

**PEMBERITAHU PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN**  
**KAWASAN** : **BUKIT KATIL**  
**TARIKH** :  
**NO. SOALAN** : **412**

**TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah syarat-syarat yang ditetapkan untuk syarikat China melabur di Malaysia. Adakah pemindahan teknologi akan dilakukan, dan adakah terdapat kuota untuk memastikan warganegara Malaysia mendapat manfaat peluang pekerjaan?

26

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pelabur-pelabur tempatan dan asing termasuk dari negara China yang memohon Lesen Pengilang dan insentif pelaburan adalah tertakluk kepada syarat-syarat semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan. Antara syarat utama yang dinyatakan dalam surat kelulusan adalah keperluan syarikat untuk melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.

Bagi projek baharu, jumlah guna tenaga sepenuh masa syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat Malaysia. Penggajian rakyat asing, termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyumberan luar pula adalah tertakluk kepada dasar semasa negara.

Manakala, bagi projek pembesaran atau pelbagaian pula, jumlah guna tenaga sepenuh masa keseluruhan syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat Malaysia menjelang tahun 2020. Penggajian rakyat asing, termasuk pekerja yang diperolehi melalui aktiviti penyumberan luar juga adalah tertakluk kepada dasar semasa negara.

Selain itu, syarikat hendaklah mematuhi syarat Nisbah Pelaburan Modal Setiap Pekerja (*Capital Investment Per Employee* - CIPE) sekurang-kurangnya RM140,000. Lebih tinggi nisbah CIPE bagi sesuatu projek menggambarkan bahawa projek tersebut lebih beintensif modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi serta bukan berintensif buruh.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara yang antara lain dapat menawarkan peluang perniagaan dan pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat tempatan. Syarat-syarat yang dikenakan ke atas pelabur asing membuktikan iltizam Kerajaan dalam memastikan pelaburan yang diterima adalah bermanfaat kepada negara secara umum and rakyat secara khususnya. Syarat-syarat ini juga adalah bertujuan untuk menyediakan negara untuk lebih berdaya saing serta melahirkan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi.